JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

NOTA KEPADA PENGARANG

KEPADA SEMUA KETUA PENGARANG/ EDITOR/ KETUA BIRO

Tuan/Puan,

JEMPUTAN MEDIA SEMPENA MAJLIS PERASMIAN PROGRAM HARI INTEGRITI JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA TAHUN 2026

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri Selangor akan menganjurkan **Majlis Perasmian Program Hari Integriti JPSM Tahun 2026** seperti ketetapan berikut:

Tarikh	**: 5 November 2026 (Khamis)**
Masa	**: 8.30 pagi**
Tempat	**: Dewan Lumu, Pusat Latihan Perhutanan Sungai Buloh, Jabatan Perhutanan Negeri Selangor Koordinat (3.195° N, 101.579° E)**
Perasmi	**: YBhg. Dato' Mohd. Radhi Chu bin Abdullah Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia**

3. Tujuan program ini adalah untuk memupuk dan memperkukuh budaya integriti dalam kalangan warga jabatan, meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan etika kerja, amanah dan akauntabiliti serta membudayakan amalan tadbir urus yang telus dan berkesan. Program ini juga menjadi platform untuk memperkasakan komitmen warga jabatan dalam mencegah rasuah, salah guna kuasa dan pelanggaran tatakelakuan demi meastikan penyampaian perkhidmatan yang profesional serta meningkatkan kepercayaan masyarakat terhadap jabatan.

4. Sehubungan dengan itu, Jabatan ini memohon kerjasama dan jasa baik pihak tuan/puan untuk menugaskan wakil media cetak dan media elektronik bagi membuat liputan majlis tersebut. Bersama-sama ini dikemukakan atur cara majlis seperti di **LAMPIRAN I** dan pelan lokasi seperti di **LAMPIRAN II** untuk rujukan dan perhatian pihak tuan/puan.

5. Sebarang pertanyaan lanjut dan pengesahan kehadiran boleh dikemukakan kepada **Cik Regina Mariah Jong di talian 013-3859933 / emel regina@forestry.gov.my** atau **Encik Muhammad Suhaimi bin Abd Rahman di talian 011-1982 1202 / e-mel suhaimi.rahman@forestry.gov.my.**

Segala perhatian dan kerjasama pihak tuan/puan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM
JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

LAMPIRAN I

ATUR CARA
MAJLIS PERASMIAN HARI INTEGRITI
JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA
TAHUN 2026

Tarikh : **5 November 2026 (Khamis)**
Masa : **8.30 pagi hingga 10.00 pagi**
Tempat : **Dewan Lumu, Pusat Latihan Perhutanan Sungai Buloh**
Jabatan Perhutanan Negeri Selangor
https://maps.app.goo.gl/o1bddqsocyJEpCpS7

MASA		**PERKARA**
7.30 pagi	:	Pendaftaran Peserta
	-	Sarapan Pagi
8.30 pagi	:	Ketibaan Tetamu Jemputan
8.40 pagi	:	Ketibaan Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia
	-	Aktiviti Penanaman Pokok
9.00 pagi	:	***Majlis Perasmian Hari Integriti Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia Tahun 2026 - "Integriti Kita, Nilai Kita"***
	-	Nyanyian Lagu: • Lagu Negaraku • Lagu Duli Yang Maha Mulia • Lagu Warisan Hijau
	-	Bacaan doa
	-	Tayangan Video Pencapaian Unit Integriti Perhutanan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia Tahun 2026
	-	Ucapan Perasmian oleh YBhg. Dato' Mohd Radhi Chu bin Abdullah Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia
	-	Penyerahan Sijil Penghargaan kepada Pegawai Pelapor Isu Tatakelola dan Pelan Pembanterasan Rasuah Organisasi Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (PROPER)
	-	Penyerahan Sijil Penghargaan bagi Pencapaian PROPER - Tempoh Jangka Masa Pendek
	-	Tayangan Video Penambahbaikan Tatakelola oleh Jabatan Perhutanan Negeri Selangor
	-	Penyerahan Sijil Penghargaan Penambahbaikan Tatakelola
	-	Sesi Bergambar
10.00 pagi	:	Jamuan Minum Pagi

LAMPIRAN II

PELAN LOKASI
MAJLIS PERASMIAN HARI INTEGRITI
JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA
TAHUN 2026



Dewan Lumu, Pusat Latihan Perhutanan Sungai Buloh,
Jabatan Perhutanan Negeri Selangor

Koordinat (3.195° N, 101.579° E)
https://maps.app.goo.gl/o1bddqsocyJEpCpS7